
ANDA
SEBAGAI PEKERJA







HAK-HAK DAN FAEDAH

PINTAS
SEKRETARIAT PINTAS NEGARA
Kementerian Perpaduan Negara
dan Pembangunan Masyarakat Malaysia

Di manakah saya boleh mendapat bantuan mengenai masalah-masalah pekerjaan?

Anda boleh mendapat bantuan dari:

- Kesatuan pekerja, jika anda seorang ahli;
- Jabatan Buruh untuk nasihat dan tuntutan kewangan di bawah Akta Pekerjaan dan Pampasan Pekerja (Workmen's Compensation). Jika anda layak;
- PERKESO/SOCSO (Pertubuhan Keselamatan Sosial) untuk tuntutan dan pampasan terhadap kecederaan akibat pekerjaan, penyakit atau kematian, jika anda layak;
- Jabatan Perhubungan Industri (Department of Industrial Relations), jika anda mahu jawatan anda semula;
- Biro Bantuan Guaman untuk nasihat dan perwakilan, jika anda layak;
- Pusat Bantuan Guaman untuk nasihat dan perwakilan, jika anda layak;
- Peguam untuk nasihat dan perwakilan.

Bagaimanakah undang-undang melindungi hak-hak saya?

- Di bawah Akta Pekerjaan jika (a) pendapatan anda tidak melebihi RM1,500 sebulan; atau (b) anda pekerja biasa atau penyelia pekerja biasa; atau (c) anda mengendalikan atau menyelenggarakan kenderaan awam; atau (d) anda seorang pembantu rumah (Didalam risalah ini, kami hanya membentangkan hak-hak minimum dan faedah yang perlu diberi oleh majikan anda di bawah Akta Pekerjaan, tetapi majikan anda boleh memberikan anda lebih daripada hak-hak minimum ini)
- Di bawah Akta Pekerjaan untuk tuntutan wang jika pendapatan anda tidak melebihi RM5,000.00 sebulan
- Oleh terma-terma pekerjaan anda, jika anda tidak di lindungi di bawah Akta Pekerjaan seperti di bawah kontrak pekerjaan atau perjanjian kolektif
- Jika anda dibuang kerja secara tidak sah, anda dilindungi di bawah Akta Perhubungan Industri, Akta Pekerjaan atau "Common Law".

Jika saya seorang pekerja asing dan bukannya permastautin tetap Malaysia, adakah hak-hak saya berbeza?

Secara am, tiada perbezaan, kecuali jika anda tidak boleh menuntut dari SOCSO, dan jika anda diliputi Akta Pekerjaan, majikan anda mestilah menghentikan kerja anda sebelum dia menghentikan kerja seorang rakyat Malaysia ataupun permastautin tetap.

MASA BEKERJA DAN KERJA LEBIH MASA

Berapakah jam bekerja biasa saya yang sepatutnya di bawah terma-terma pekerjaan ?

Selain daripada kerja alihan ataupun dengan kebenaran Ketua Pengarah, TIDAK MELEBIHI:

- 5 jam berterusan tanpa sekurang-kurangnya 30 minit rehat
- 8 jam sehari
- Satu bentangan jam 10 jam sehari
- 48 jam seminggu (bagi kerja alihan, purata sebanyak 48 jam seminggu di dalam masa 3 minggu).

Berapa lamakah hari atau jam rehat minimum saya?

Secara berterusan, 24 jam seminggu; tetapi 30 jam seminggu bagi kerja alihan.

Bolehkah saya dipaksa untuk bekerja lebih masa ("overtime")?

Selain daripada di bawah perihal istimewa yang diperuntukan di bawah Akta Pekerjaan atau cuti am, anda tidak boleh dipaksa bekerja lebih daripada jam bekerja biasa, seperti yang dinyatakan di atas. Kerja lebih masa maksimum yang dibenarkan adalah sebanyak 104 jam sebulan.

Bagaimanakah gaji lebih masa dikira?

Jika anda bekerja pada:	Jumlah pendapatan biasa sejam
Hari kerja biasa	1.5 kali
Hari rehat	2 kali
Cuti am	3 kali

CUTI AM DAN CUTI TAHUNAN

Berapa lamakah cuti bayaran dan masa ketidakhadiran minimum saya?

Cuti/Ketidakhadiran	Bayaran Cuti dan Ketidakhadiran		
	Kurang dari 2 tahun bekerja	2-5 tahun bekerja	Lebih 5 tahun bekerja
Cuti am	10	10	10
Cuti tahunan	8	12	16
Cuti sakit, tidak termasuk masuk hospital	14	18	22
Cuti sakit termasuklah masuk hospital	60	60	60
Cuti Bersalin	60	60	60

Nota:

Cuti am

- 4 cuti am yang ditetapkan : Hari Merdeka, Hari Kebesaran Yang di-Pertuan Agong, Hari Kebesaran Sultan/ Gabenor, Hari Pekerja, 6 lagi cuti am yang diumumkan oleh majikan anda
- Jika cuti am jatuh pada hari rehat, hari kerja berikutnya merupakan cuti berbayar
- Jika cuti am jatuh semasa cuti tahunan atau cuti sakit, anda akan dapat satu lagi cuti berbayar selama sehari.

Cuti sakit cuti bersalin

- Jika anda sakit pada hari rehat, anda tidak akan mendapat cuti sakit berbayar
- Cuti sakit atau bersalin yang jatuh pada cuti tahunan tidak akan dikira sebagai cuti tahunan.

Bilakah boleh saya mendapat cuti tahunan?

Hanya selepas setiap 12 bulan anda bekerja secara berterusan.

Bolehkah majikan saya membatalkan cuti tahunan saya?

Majikan anda boleh membatalkan cuti tahunan anda tanpa membayar anda jika:

- Anda tidak hadir lebih dari 10% daripada waktu kerja semasa 12 bulan kerja berterusan, di mana anda berhak mendapat cuti tahunan; atau
- Anda tidak mengambil cuti tahunan anda di dalam tempoh masa 12 bulan selepas anda layak mendapat cuti; atau
- Anda dipecat kerana salah laku.

Apa yang perlu saya lakukan jika saya ingin mengambil cuti sakit?

- Ambil sijil sakit dari doktor anda; dan
- Beritahu atau cuba beritahu majikan anda di dalam lingkungan masa 48 jam anda mula cuti sakit atau masuk hospital.

INSENTIF BERSALIN

Apakah hak-hak bersalin saya?

Anda berhak mengambil 60 hari cuti bersalin berbayar, mulai di antara 30 hari sebelum dan 1 hari selepas anda bersalin jika anda:

- Di ambil kerja sekurang-kurangnya 1 hari dalam tempoh 4 bulan sebelum bersalin; dan
- Bekerja sekurang-kurangnya 90 hari dalam tempoh 9 bulan sebelum bersalin; dan
- Mempunyai kurang daripada 5 anak yang masih hidup

Jika anda mempunyai 5 atau lebih dari 5 anak yang masih hidup, anda hanya berhak mendapat 60 hari cuti bersalin yang tidak berbayar.

Apakah yang perlu saya lakukan untuk mendapat insentif bersalin saya?

- Anda mesti memberi notis kepada majikan anda:
- Jangkaan tarikh bersalin dan cuti bersalin, di dalam masa 60 hari sebelum anda bersalin dan jika anda gagal memberitahu majikan anda, cuti bersalin anda boleh digantung
- Bahawa anda akan bersalin dalam 4 bulan selepas anda berhenti bekerja (jika anda hendak berhenti bekerja) supaya anda boleh mendapat elaun bersalin.

GAJI DAN PEMOTONGAN/CARUMAN

Bilakah mesti saya mendapat upah saya?

Pada atau sebelum hari ke 7 setiap bulan.

Apakah potongan/caruman pendapatan yang wajib dibuat? Apakah sumbangan wajib majikan saya?

KWSP/EPF (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja)

- Potongan/caruman adalah wajib bagi semua pekerja (dengan pengecualian yang terhad seperti pembantu rumah)
- Sumbangan majikan: 12% daripada pendapatan pekerja
- Sumbangan pekerja: 11% daripada pendapatan pekerja
- Sekiranya majikan gagal membuat bayaran kepada KWSP:

  Hukuman penjara sehingga 6 tahun dan/atau denda sehingga RM2,000.00 dan juga bayaran faedah dan dividen kepada KWSP yang sepatutnya diterima.

PERKESO/SOCSO (Pertubuhan Keselamatan Sosial)

- Potongan/caruman wajib sekiranya pendapatan anda adalah RM2,000.00 atau kurang dan anda bukan, di antara lain, pembantu rumah
- Potongan/caruman anda dan majikan anda untuk Skim Kecederaan Pekerjaan (Employment Injury Scheme) mengikut jadual yang telah ditetapkan.
- Sumbangan majikan terhadap Skim Bersara Orang-Orang Cacat ("Invalidity Pension Scheme") mengikut jadual yang ditetapkan.
- Jika majikan gagal membuat bayaran kepada PERKESO:

  Hukuman penjara sehingga 2 tahun dan/atau denda sehingga RM10,000.00.

Pampasan Pekerja

- Hanya untuk pekerja asing yang bukan pemastautin tetap Malaysia
- Lindungan insuran dari majikan
- Jika majikan gagal mengambil lindungan insuran:

  Hukuman penjara sehingga 2 tahun dan/atau denda sehingga RM20,000.00.

Cukai pendapatan

- Potongan anda berdasarkan jadual yang ditetapkan
- Jika majikan gagal membuat bayaran kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (Inland Revenue Board)

  Hukuman penjara sehingga 6 bulan dan/atau denda sehingga RM1,000.00.

Apakah potongan yang tidak wajib dibenarkan?

Potongan yang boleh dibuat oleh majikan:

- Di atas permintaan anda, bayaran-bayaran tertentu kepada badan pekerja, koperasi, badan-badan pinjaman dan kedai-kedai koperasi
- Bayaran berlebihan yang salah bayar oleh majikan

- Pampasan ke atas kegagalan untuk menghabiskan tempoh notis pemberhentian
- Bayaran gaji terdahulu.

Majikan anda juga boleh membuat potongan, dengan kebenaran Ketua Pengarah dan di atas permintaan anda, di antara lain:

- Bayaran untuk anda kepada pihak ketiga
- Faedah atas bayaran gaji terdahulu
- Bayaran bagi barangan atau saham pekerja
- Bayaran bagi makanan, penginapan dan perkhidmatan

Berapakah jumlah terhad bagi potongan gaji?

Jumlah yang terhad adalah 50% bagi semua potongan gaji, sama ada potongan wajib atau tidak wajib kecuali bagi bayaran gaji yang terakhir atau bayaran gaji yang menggantikan notis pemberhentian kerja.

PEMBUANGAN PEKERJA

Bagaimanakah saya boleh mendapatkan perlindungan undang-undang?

- Anda dilindungi di bawah Akta Pekerjaan sekiranya (a) Pendapatan anda tidak melebihi RM1,500.00 sebulan, atau (b) anda adalah pekerja biasa ataupun penyelia (supervisor) kepada pekerja biasa, atau (c) anda mengendalikan atau menyelenggarakan kenderaan awam, atau (d) anda adalah seorang pembantu rumah dan untuk tuntutan wang sekiranya pendapatan anda tidak melebihi RM5,000.00 sebulan
- Anda dilindungi oleh terma-terma pekerjaan anda seperti di bawah kontrak pekerjaan atau perjanjian kolektif
- Anda dilindungi oleh Akta Perhubungan Industri, Akta Pekerjaan atau "Common Law" sekiranya anda dibuang kerja tak sah.

Apakah alasan-alasan saya boleh dibuang kerja?

Anda boleh dibuang kerja berdasarkan alasan-alasan seperti berikut:

- Salah laku
- Tidak hadir tanpa sebarang sebab yang baik
- Sengaja melanggar terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan anda yang bertulis atau tidak.

Anda tidak boleh dibuang kerja berdasarkan alasan-alasan seperti berikut:

- Aktiviti-aktiviti kesatuan Pekerja atau industri
- Sekiranya anda mendapat faedah daripada perjanjian kolektif ataupun award
- Anda digantikan, sekiranya anda seorang warganegara Malaysia, dengan seorang warganegara asing dan bukannya penduduk tetap, sekiranya anda dilindungi oleh Akta Perkerjaan.

Apakah makna salahlaku?

Ia adalah perbuatan yang tidak senonoh seperti:

- Tidak menurut perintah atau mengingkari perintah
- Khianat (menyatakan sesuatu yang tidak elok mengenai majikan anda/ mendedahkan maklumat sulit)
- Memiliki atau menggunakan arak atau dadah semasa berada di tempat kerja
- Serangan atau pertempuran.

Sekiranya saya di dalam tempoh percubaan, bagaimanakah saya boleh dipecat/dibuang kerja?

Hak anda adalah sama seperti yang telah disahkan. Tetapi majikan anda mempunyai hak untuk tidak mengesahkan jawatan anda diakhir tempoh percubaan anda jika ia mampu membuktikan anda tidak selesaikan tempoh percubaan dengan memuaskan hatinya.

Apakah makna pemecatan konstruktif ("constructive dismissal")

Walaupun anda meletak jawatan, ianya dianggap sebagai pembuangan kerja kerana anda tidak mempunyai pilihan melainkan meletak jawatan disebabkan oleh majikan anda melanggar terma-terma penting pekerjaan anda sama ada yang bertulis atau tidak, contohnya apabila:

- Tanpa persetujuan anda, gaji anda dipotong atau dikurangkan, secara langsung atau tidak langsung menurunkan pangkat anda
- Tidak menghormati anda seperti memberikan tanggungjawab yang sedikit atau tiada sebarang kerja yang diberikan.

Sekiranya saya dibuang kerja secara tidak sah, apakah hak-hak saya?

Anda boleh mendapat (1) wang ataupun (2) jawatan anda, iaitu mengembalikan semula bekerja; (yang terpakai oleh semua pekerja)

Sekiranya anda mahu wang :

- Saman di dalam mana-mana mahkamah yang berkenaan untuk kehilangan pendapatan sebagai gantirugi. Tetapi cara ini adalah mahal dan mengambil masa yang lama atau
- Sekiranya pendapatan anda adalah tidak melebihi RM 5,000.00 sebulan, tuntutan wang hendaklah dibuat melalui Jabatan Buruh dalam **masa 60 hari** dari tarikh anda dibuang kerja.

Sekiranya anda mahu dikembalikan semula bekerja, (yang terpakai oleh semua pekerja) :

Anda mestilah menulis surat kepada Pengarah Perhubungan Industri di Pejabat Perhubungan Industri yang terdekat dengan bekas majikan anda dalam masa **60 hari** anda dibuang kerja dengan

- Notis ataupun surat pembuangan kerja, jika ada
- Nama, alamat dan nombor telefon bekas majikan anda dan juga anda
- Jawatan anda semasa bekerja dengan bekas majikan anda
- Tarikh anda mula bekerja dan tarikh anda dibuang kerja.

Pengarah tersebut akan mengatur satu pertemuan bagi anda dan bekas majikan anda untuk menyelesaikan pertikaian (dengan kehadiran perwakilan dari Kesatuan atau Pertubuhan). Sekiranya tiada jalan penyelesaian yang dicapai, perkara akan dirujuk kepada Menteri yang akan menentukan sama ada ia harus dirujuk kepada Mahkamah Industri.

Anda hanya boleh memohon untuk diterima bekeja semula. Anda tidak boleh mengikut prosedur ini untuk mendapatkan pampasan atau gantirugi, tetapi anda boleh diberikan gantirugi dan bukannya mengembalikan semula anda bekerja sekiranya:

- Anda telah mendapat/memulakan pekerjaan baru
- Sekiranya suasana pekerjaan anda tidak sesuai lagi untuk anda seperti hubungan kurang baik
- Anda telah bekerja hanya untuk satu tempoh yang singkat dengan bekas majikan anda itu.

Adakah terdapat tempoh notis dan prosedur untuk pemecatan?

Sekiranya anda dilindungi di bawah Akta Pekerjaan, anda boleh dibuang kerja:

- Tanpa notis sekiranya anda sengaja melanggar syarat-syarat dan terma-terma pekerjaan anda
- Tanpa notis tetapi dengan siasatan domestik sekiranya anda melakukan salah laku
- Dengan notis tetapi setelah amaran diberikan dengan alasan-alasan yang lain.

Tempoh notis yang minimum di bawah Akta Pekerjaan ialah 2 minggu untuk pembantu rumah dan seperti berikut untuk yang lainnya:

Tempoh perkhidmatan	Tempoh Notis
Kurang dari 2 tahun	4 minggu
Lebih daripada 2 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun	6 minggu
Melebihi 5 tahun atau lebih	8 minggu

Sekiranya anda tidak dilindungi di bawah Akta Pekerjaan, anda boleh dibuang kerja:

- Tanpa notis tetapi kebiasaannya selepas siasatan domestik dijalankan sekiranya salah laku
- Selepas amaran-amaran dengan alasan-alasan yang lain

Tempoh notis anda hendaklah mengikut terma pekerjaan anda. Sekiranya tempoh notis tidak dinyatakan ia hendaklah berpatutan tempohnya bergantung kepada pangkat, tugas, kelayakan pekerjaan anda dan peluang untuk mendapatkan pekerjaan baru.

Sebaliknya dalam kedua-dua keadaan ini, sekiranya anda sepatutnya diberikan tempoh notis, anda juga boleh mendapat bayaran gaji dan bukannya tempoh notis yang sepatutnya diberikan kepada anda.

Bagaimanakah siasatan domestik sepatutnya diadakan?

Anda berhak dibicarakan dan panel yang mengadakan siasatan domestik hendaklah adil:

- Siasatan hendaklah diadakan secepat yang mungkin selepas tuduhan dibuat, sebaik-baiknya dalam masa dua minggu
- Anda hendaklah diberikan notis yang secukupnya dan diberitahu tentang tuduhan ini
- Anda hendaklah dibenarkan untuk membela diri anda
- Ahli panel hendaklah tidak menyiasat perbuatan itu atau tidak mempunyai kepentingan dalam keputusan siasatan domestik tersebut
- Soalan dan jawapan hendaklah dicatatkan
- Semua pihak hendaklah menandatangani catatan itu.

PENGURANGAN PEKERJA

Apakah makna pengurangan pekerja?

Pengurangan pekerja ialah pembuangan pekerja dalam situasi pekerja yang berlebihan.

Bagaimanakah sekiranya pembuangan kerja itu sebenarnya bukanlah disebabkan keadaan yang berlebihan?

Hak anda adalah sama dengan hak pekerja yang dibuang kerja dengan tidak sah.

Bagaimana pekerja-pekerja dipilih untuk dibuang kerja?

- Sebelum seseorang majikan boleh memberhentikan pekerja tempatan yang dilindungi oleh Akta Pekerjaan, dia mestilah memberhentikan semua pekerja asing (mereka yang bukan merupakan penduduk tetap di Malaysia) yang diambil bekerja dalam kapasiti yang sama
- Pemilihan hendaklah berpandukan prinsip "LIFO" iaitu pekerja yang terakhir adalah pekerja yang pertama dibuang kerja melainkan majikan mempunyai sebab-sebab yang munasabah untuk tidak berbuat demikian, seperti kebolehan yang istimewa, kemahiran, kelayakan dan pengalaman pekerja tersebut.

Saya telah dibuang kerja. Dimanakah saya boleh mendapatkan pertolongan?

Anda boleh mendapatkan pertolongan daripada :

- Kesatuan sekerja sekiranya anda adalah ahli
- Jabatan Buruh untuk mendapatkan nasihat dan untuk membuat tuntutan kewangan di bawah Akta Pekerjaan
- Jabatan Perhubungan Industri, sekiranya anda mahu jawatan anda semula
- Biro Bantuan Guaman, untuk mendapatkan nasihat dan perwakilan sekiranya anda berkelayakan
- Pusat Bantuan Guaman untuk mendapatkan nasihat dan perwakilan sekiranya anda berkelayakan.

INSENTIF PEMBUANGAN / PENGURANGAN PEKERJA

Adakah saya akan dibayar sekiranya saya dibuang kerja?

Ya, sekiranya anda dilindungi di bawah Akta Pekerjaan melainkan:

- Perkhidmatan anda belum melebihi setahun
- Anda diberhentikan kerana salahlaku
- Anda meninggalkan kerja anda sebelum menamatkan tempoh notis anda tanpa (a) pelepasan daripada majikan anda atau (b) anda membayar gantirugi kepada majikan anda.

Sekiranya anda tidak dilindungi oleh Akta Pekerjaan, bayaran anda adalah tertakluk kepada mana-mana terma pekerjaan anda yang berkenaan.

Sekiranya saya layak menerima bayaran, apakah yang akan saya terima?

Sekiranya anda dilindungi di bawah Akta Pekerjaan, anda akan dibayar sekurang-kurangnya:

Tempoh Perkhidmatan	Pendapatan untuk setiap tahun pekerjaan
1 hingga 2 tahun	10 hari
2 tahun atau lebih tetapi kurang dari 5 tahun	15 hari
5 tahun atau lebih	20 hari

Sekiranya anda tidak dilindungi oleh Akta Pekerjaan, bayaran untuk pemecatan atau pembuangan kerja adalah tertakluk kepada mana-mana terma pekerjaan anda yang berkenaan. Sekiranya anda tidak dibenarkan untuk menyerahkan semasa tempoh notis, anda sepatutnya layak untuk menerima bayaran.

KESIHATAN DAN KESELAMATAN

Undang-undang apa yang melindungi kesihatan dan keselamatan saya?

- **"Common Law"**, dimana kewajipan majikan adalah untuk membekalkan:
  - Ø Pekerja dengan kecekapan yang munasabah
  - Ø Pekerja yang mencukupi untuk menjalankan sesuatu kerja dengan selamat
  - Ø Tempat kerja dengan keselamatan yang munasabah
  - Ø Tempat kerja dan peralatan yang sesuai
  - Ø Sistem dan aturcara kerja dengan keselamatan yang munasabah
- Akta Kilang-Kilang dan Jentera ("Factories and Machinery Act"), bagi kilang-kilang, termasuk tapak pembinaan
- Akta Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan ("Occupational Safety and Health Act"), bagi semua sector.

Apakah insentif/tuntutan yang tersedia bagi penyakit, kecederaan atau kematian yang disebabkan oleh pekerjaan saya?

- Tuntutan di bawah perjanjian di antara majikan dan pekerja, jika ada; atau
- Saman di mana-mana mahkamah yang berkenaan untuk gantirugi bagi kehilangan pendapatan yang lebih besar, tetapi cara ini mahal dan mengambil masa yang lama; atau
- Tuntutan dibawah Pampasan Pekerja atau dari PERKESO. Bayaran yang akan diterima biasanya kurang daripada tuntutan gantirugi; tetapi cara ini lebih murah, cepat dan pasti kerana anda tidak perlu menunjukkan apa-apa bukti kesalahan.

Bagaimanakah pekerja asing yang bukan pemastautin Malaysia menuntut Pampasan Pekerja ?

- Pendapatan pekerja tersebut tidak melebihi RM500.00 sebulan atau dia adalah seorang pekerja biasa (dan di antara lain, bukan seorang pembantu rumah)
- Membuat tuntutan dari Pesuruhjaya, bahagian Jabatan Buruh di dalam **masa 6 bulan** dan memberitahu majikan di dalam **masa 7 hari** berlakunya penyakit, kecederaan atau kematian yang disebabkan oleh pekerjaan.

Bagaimanakah tuntutan di bawah PERKESO dibuat?

- Pendapatan pekerja tidak melebihi RM2,000.00 dan anda di antara lain, bukan seorang pembantu rumah
- Tuntutan di bawah Skim Kecederaan Pekerjaan bagi kecederaan, penyakit atau kematian yang disebabkan oleh pekerjaan, atau di bawah Skim Bersara Orang-Orang Cacat jika anda tidak berupaya bekerja
- Anda mestilah menghabiskan tempoh kelayakan yang penuh (sumbangan anda sekurang-kurangnya 24 daripada 40 bulan berturutan dari tarikh anda memasuki skim tersebut) atau tempoh kelayakan yang dikurangkan (sumbangan anda sekurang-kurangnya 24 bulan dan 1/3 daripada bulan dari tarikh anda memasuki skim tersebut)
- Umur anda tidak melebihi 55 tahun
- Membuat permohonan dari pejabat PERKESO tempatan anda di dalam masa **12 bulan**, bersama dengan laporan kesihatan atau di dalam kes kematian, dengan dokumen-dokumen yang berkenaan
- Tuntutan anda mestilah disahkan oleh Lembaga Perubatan.

A Public Service Initiative of: The Bar Council
No. 13, 15 & 17, Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 03-2031 3003
Fax : 03-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818
E-mail : council@malaysianbar.org.my
www.malaysianbar.org.my